

**Najib Rai Perdana Menteri Kanada Dalam Majlis Jamuan Tengah Hari
Bernama
6 Oct, 2013**

PUTRAJAYA, 6 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini meraikan Perdana Menteri Kanada Stephen Harper, yang sedang melakukan lawatan rasmi tiga hari di negara ini, dalam majlis makan tengah hari di Seri Perdana hari ini.

Majlis itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Razali Ibrahim.

Terdahulu, kedua-kedua pemimpin mengadakan pertemuan dua hala serta sidang akhbar bersama selain menyaksikan majlis menandatangani beberapa memorandum persefahaman di Pejabat Perdana Menteri di Bangunan Perdana Putra.

Ini merupakan lawatan pertama Harper di Malaysia sejak dilantik menjadi perdana menteri.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=983460>